

SOALAN NO: 127

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

**DARIPADA: YB DATUK SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID**

SOALAN:

**Datuk Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta
MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-**

- (a) adakah Kerajaan akan mengiktiraf Konvensyen ILO No. 189/2011 tentang kerja sesuai bagi pekerja domestik dan hak-hak pekerja domestik; dan
- (b) sejauh manakah Kementerian akan membenarkan pekerja domestik untuk membentuk kesatuan sekerja di Malaysia.

PR-1331-T68101

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Buat masa ini, Kerajaan belum bersedia untuk mengiktiraf atau meratifikasi Konvensyen ILO No. 189 berhubung kerja sesuai (*decent work*) untuk pekhidmat domestik. Ini berikutan terdapatnya beberapa peruntukan undang-undang khususnya Akta Kerja 1955 yang tidak selaras dengan beberapa artikel dalam Konvensyen tersebut.

2. Sungguhpun begitu, Kerajaan cuba mengadaptasi prinsip-prinsip yang digariskan oleh Konvensyen tersebut untuk dimasukkan dalam Peraturan-Peraturan Kerja (Pekhidmat Domestik) yang sedang digubal pada masa ini.
3. Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan (JHEKS) selaku agensi yang menguatkuasakan Akta Kesatuan Sekerja (AKS) 1959, menerima dan memproses semua permohonan untuk mendaftar sesebuah kesatuan sekerja daripada pekerja dan majikan.
4. AKS 1959 tidak menghalang mana-mana pekerja atau majikan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak untuk menubuhkan kesatuan sekerja termasuklah pekerja domestik. Walau bagaimanapun setiap permohonan pendaftaran sesebuah kesatuan sekerja hendaklah mematuhi peruntukan AKS 1959 termasuk bagi pekerja domestik (tempatan).
5. Walau bagaimanapun bagi pekerja domestik (asing), mereka hanya boleh menjadi ahli kesatuan sahaja dan mereka tidak boleh menjadi pegawai kesatuan kecuali setelah mendapat kelulusan daripada YB Menteri. Ini kerana Perkara 10(1)(C), Perlembagaan Persekutuan, hanya memberi hak dan kebebasan kepada warganegara untuk menubuhkan persatuan/kesatuan sekerja.

SOALAN (128)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID
[PENGERANG]**

SOALAN :-

**Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG]
minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah rakyat Malaysia dalam golongan B40 yang tinggal di rumah sewa mengikut skim sewa awam dan swasta; dan
- (b) sejauh manakah pembangunan perumahan kos rendah membantu golongan B40 serta berapakah daripada pemohon/ketua isi rumah yang berjaya adalah wanita.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perangkaan terdapat sekitar 2.7 juta isi rumah yang terdiri daripada golongan Kumpulan Bawah 40 (B40) di Malaysia. Kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini telah menyiapkan sebanyak 105 Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang merangkumi 75,191 unit kediaman. Daripada itu, sebanyak 78 PPR yang merangkumi 70,639 unit kediaman adalah PPR Disewa dan selebihnya iaitu 27 PPR merangkumi 4,552 unit adalah untuk dijual. Sementara itu, terdapat 10 PPR Disewa kini dalam pelbagai peringkat pembinaan yang akan menyediakan unit kediaman bagi 5,166 isi rumah. Jumlah ini tidak termasuk program-program perumahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri serta pelbagai agensi yang lain.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, projek-projek PPR yang telah siap akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri / Lembaga Perumahan / Pihak Berkuasa Tempatan untuk urusan pengisian dan pengurusan PPR tersebut. Segala permohonan untuk mendiami PPR tersebut adalah di bawah jagaan dan bidang kuasa Kerajaan Negeri / Lembaga Perumahan / Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Permohonan adalah dibuat melalui Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT) negeri masing-masing.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015